

# Penstrukturan semula syarikat: MAS tiada kuasa

um-18/5/2006

KUALA LUMPUR 16 Mei - Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mempunyai sebarang kuasa autonomi dalam soal penstrukturan semula syarikat itu kata Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Tengku Azlan Abu Bakar.

Sebaliknya, beliau berkata, setiap keputusan yang dibuat oleh syarikat penerbangan itu akan dirujuk kepada kerajaan terlebih dahulu sebelum mencapai sebarang persetujuan.

Menurut Tengku Azlan, perkara itu turut melibatkan cadangan MAS untuk menawarkan Skim Persaraan Bersama (MSS) kepada kira-kira 6,500 pekerjaannya.

"MAS hanya akan mengemukakan cadangannya berkaitan MSS kepada kerajaan setelah proses tawaran atau penerimaan mencapai persetujuan di antara pihak majikan dengan pekerja-pekerja.

"Ini kerana MSS memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan," katanya ketika menjawab soalan Senator Tan Bon You dan Senator Dr. Mohd. Puad Zarkashi pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Kata Tengku Azlan, mengenai MSS, pihak MAS telah pun mengadakan perbincangan awal dengan kesatuan sekerja penerbangan itu.

"Bagaimanapun, MAS diminta untuk meneliti dan berbincang dengan kesatuan sekerja dalam soal melibatkan pemberhentian pekerja-pekerjanya," katanya.

Sementara itu, Tengku Azlan berkata, kerajaan telah membenarkan MAS untuk mengadakan perbincangan dengan AirAsia mengenai laluan domestik.

Tambahnya, hasil perbincangan kedua-dua syarikat penerbangan itu kemudiannya dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan.

"Kementerian kemudian mengemukakan hasil perbincangan MAS dan AirAsia kepada Kabinet sebelum mengambil sebarang keputusan. Kabinet bersetuju bahawa MAS diberi sebanyak 19 laluan domestik manakala AirAsia pula diberikan sebanyak 96 laluan (domestik).

"Ini adalah keputusan yang diberikan oleh Kabinet selepas kedua-dua syarikat ini mengadakan perbincangan mereka," katanya.